

PRELIMINARY ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (PEIA)
For
PROPOSED OIL PALM PLANTATION AT MUKIM ULU NENGGIRI,
DAERAH BERTAM, GUA MUSANG, KELANTAN DARUL NAIM

EXECUTIVE SUMMARY

This **Preliminary Environmental Impact Assessment (PEIA)** report is prepared in accordance with the schedule of the **Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order, 1987 Item 1(a): Land Development schemes covering an area of 500 hectares or more to bring forest land into agricultural production, made under the Environmental Quality Act 1974 (Act 127)**. The **PEIA** as required by the **Department of Environment (DOE)** is an essential tool in assessing the overall impact that may result from the proposed oil palm plantation project on the surrounding environment. The process is a mandatory requirement under **Section 34A of the Environmental Quality Act, 1974** where any person or parties intending to carry out any prescribed activity shall submit a report on the impact of the environment to the **Director General - Department of Environment (DOE)** for examination.

The project proponent, **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)** has granted the permit of the development for a period of 50 years on 6th June 2006 from **Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan**. In the agreement **PMBK** has a responsible and commitment to undertake approximately 5,000.00 acres (2,023.431 hectares) area of **Hutan Rizab Batu Papan** at Mukim Ulu Nenggiri, Daerah Bertam, Gua Musang, Kelantan Darul Naim for proposed oil palm plantation project with certain term and conditions as agreed in the approval and agreement with respective government agencies. Various guidelines, acts and requirements by relevant government agency is also needs to be fulfilled before overall project development can be implemented.

The proposed project site is basically **part of the Hutan Rizab Batu Papan, one of the forest reserve** which is situated approximately within Latitude 4° 44' 24.6" N to 4° 50' 09.1" N and Longitude 101° 45' 21.4" E to 101° 48' 31.8" E (refer **Figure 2.1** and **2.2**). It is located approximately 0.1 km north of Pahang boundary area, 0.15 km south and north of new Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang highway, 1.0 km east of Orang Asli Pos Belau community area, 15.0 km south of Kuala Betis area, 24.9 km southwest of Gua Musang town area, 58.7 km northeast of Cameron Highland town area, 94.6 km southwest of Kuala Krai town area, 101.7 km north of Jeli town area, 118.1 km southwest of Machang town area, 155.8 km southwest of Kota Bharu town area. **The concept of the proposed project is to develop a forest reserve area to the oil palm plantation by using high productivity plantation system.** The existing condition of area is noted to have valuable commercial trees. In the beginning, **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)** will be developed the area by providing oil palm seeds and germinating the seeds in the nursery and transferring/planting the young trees at the proposed project area.

The existing landuse of the project site is a forest reserve area and partially covered by the low commercial value of trees, bamboos and bushes at certain portion, whilst **most of the other area is still rich with high commercial value of timber trees.** The proposed project area is generally mixed terrain profile with hilly in terrain especially at the west side area whilst flatter at other part of the proposed project site area. According to the **Laporan Rancangan Struktur Majlis Daerah Gua Musang (1995-2020)** the proposed project site has identified as forest reserve area and located beyond the water catchments area. The proposed project site is surrounded by **Hutan Rizab Batu Papan** at north, south and east side whilst, **Hutan Rizab Sungai Betis** at the west side area. The proposed project site area can be easily access from the new Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang highway which passing through the proposed project site at the center area. Sg Berok is the major river located at the

west side of the proposed project site area. A part of that, Sg Jai, Sg Pusol, Sg Sekor, Sg Rumlak, Sg Raya and several small unknown name of seasonal rivulets (Sg A, B and C) found scattered within and boundary of the proposed project area. Information gathered from the field work exercise as well as officer from **Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Jajahan Gua Musang** revealed that there is Orang Asli settlement located within the 1 km radius from the proposed project site and separated by the Sg Berok known as Orang Asli Pos Belau. It consists of six (6) small villages known as Kg. Selyeh, Kg. Kelaik, Kg. Blau, Kg. Om, Kg. Sintang and Kg. Jais. Most of them involve in agriculture related works either with government agencies or private sector which owned the various types of plantation area.

The impacts may arise from the project development include soil erosion, noise, dust emission, deterioration of river water quality as well as ecological and sociological impact. However, only soil erosion, river water pollution, schedule waste and ecology may pose adverse impacts during planting and operation stage. The noise and dust problems are likely to have a short-term impact during the extraction of valuable timber trees, site clearing, earthworks and planting stages. Sedimentation problem in the streams and erosion from exposed ground especially during land clearance and earthworks are also expected to give a short-term pollution impact to surrounding existing environment. The potential impact will not only affect the various small unknown seasonal rivulets (Sg A, B and C) but also to the others river Sg Berok, Sg Jai, Sg Pusol, Sg Sekor, Sg Rumlak and Sg Raya which is located within and surrounding the proposed project site. These impacts are localized and will diminish once the proposed project site area has stabilized especially during the operational and maintenance stage. And with a natural self purification capability of respective rivers and proper mitigating measures taken by the project proponent, the anticipated impacts can be controlled and minimize without producing any residual impacts.

During planting and maintenance stages, some impacts on water quality are expected due to the use of fertilizers and pesticides as well as sewage from the worker quarters at project site. However, with controlled application, the potential impacts can be minimized. Total clearance of vegetation at one time should be avoided at all. The site clearance activity direction toward the river or other water body shall be avoided. Some natural landscape and buffer zone are suggested to be preserved especially along main streams and rivers. Slope cutting must be minimized as to avoid possible erosion problem especially on the bare land. Area with a slope more 25° can be used for planting purposes but with a very minimal earthwork activity without using of heavy machinery or if possible to be remained undisturbed. Proper natural buffer zone based on the guidelines produced by **Department of Irrigation and Drainage (DID)** must be developed as possible along small seasonal rivulets and all the main rivers which found within and nearby the proposed project site. Sediment basins and silt traps are recommended to be constructed during early stage of site clearing works at the strategic location (as suggested) to prevent eroded and silt materials from leaving the proposed project site. Perimeter earth drains and other method of erosion control are also suggested to be constructed along the boundary of sub-catchments areas for the purpose of intercepting surface runoffs and channeling them into the sediment basins and silt traps. The project proponent is suggested to use an existing road network and as possible to minimize the construction of new road. Any construction of new access road and road network within the proposed project site must follow the guidelines produced by **JKR** and **Forestry Department**. The project proponent shall also carry out the proper management, storage and disposal system of the schedule wastes (oil wastes) generated from the daily plantation activity as according to the **Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005**.

No open burning exercise should be adopted either within or surrounding the proposed project site (strictly prohibited) at all time. This has to be made very clear to all parties involved in the plantation activity. Stumps and other unwanted materials generated from the land clearing activities should be left to rot on the ground or dumped at designated dumping area within the proposed project site. These will create as a temporary surface cover to the soil as well as it is good for invertebrates, which important for soil reconditioning. Some ecological impact is anticipated to be experienced by the flora and fauna communities inhabiting the area. A proper phasing and direction of clearing exercise shall be practiced as to allow an ample period of time for wildlife (if any) to naturally migrate to a new area. A part of that it can

minimize the possible erosion may occur on-site. The near natural forest **Hutan Rizab Batu Papan** (north, south and east side) and **Hutan Rizab Sungai Betis** (west side) is expected to have the capacity to absorb dislodges wildlife (if any). Mitigation measures as highlighted in the report are recommended to be carried out as to minimize, control and resolve the potential impact that may arise during the execution of the overall oil palm plantation project on the wildlife available within and surrounding the proposed project site area.

In terms of socio-economy the impact would result in an increase income earning to **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)**, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang and the **State of Kelantan** as well as nearby local community, Orang Asli Pos Belau. The basic amenities such as road, bridge and other infrastructure to the proposed oil palm plantation area is expected to be repaired or upgraded by the project proponent. Jobs and business opportunity for local community nearby is also expected to be developed as a result oil palm plantation project. The matter however, depends on how aggressive the participation of nearby local community in the proposed oil palm plantation activity. The project proponent shall imposed a regulation and security system to all the workers and also other respective parties involved in the oil palm plantation project as to prevent illegal transported of harvested oil palm, illegal open burning and illegal hunting exercise within or outside the proposed project site. All environmental compliances matter shall be stated clearly in the any official agreement made within the parties involve in the overall project development.

The proposed project site is also suitable for such development due to the location, climate, existing surrounding landuse and topographical characteristics. In ensuring the effectiveness of mitigation measures in place during the project implementation, the **Environmental Management Plan (EMP)**, regular **Environmental Monitoring Exercise (EME)** and **Environmental Auditing Exercise (EAE)** is recommended to be carried out covers river water quality, noise level and air quality, waste management and ecological changes. A part of that the project proponent is required to prepare an **Emergency Response Plan (ERP)** for any emergency cases that may occur within or outside the proposed project site. All the exercises as well as **ERP** document shall be presented and submitted in advance to the **Department of Environment (DOE) Negeri Kelantan** for auditing purposes.

In conclusion, the proposed oil palm plantation is anticipated not to generate significant residual long term impact to the existing surrounding environment. Impacts that may arise are mainly short term and expected can be controlled, minimized and resolved by the project proponent. With proper implementation complete with a proposed mitigating measure, the proposed project will provide myriad of tangible and intangible benefits to nearby local community Orang Asli Pos Belau, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, **State of Kelantan** as well as **Federal Government of Malaysia**. It will generate employment, business opportunities as well as promote transfer of knowledge and technology in oil palm plantation to the area. It will also enhance the local skills in oil palm plantation establishment and maintenance. And these will indirectly an achievement to the government policy in creating more local expertise in agriculture and plantation area. This will contribute to the overall government policy in implementing the agriculture plantation management and wise use of natural resources. **More importantly, the greening of the respective area may in directly contribute in producing an oxygen and carbon dioxide needed by the human being, trees (flora) and any other living organism within and surrounding the proposed project site area.**

KAJIAN AWAL PENILAIAN KESAN-KESAN ALAM SEKITAR
Untuk
CADANGAN PENANAMAN LADANG KELAPA SAWIT DI MUKIM ULU NENGGIRI,
DAERAH BERTAM, GUA MUSANG, KELANTAN DARUL NAIM

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Awal Penilaian Kesan Alam Sekitar (PEIA) di sediakan mengikut peruntukan yang ada **Akta Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Terjadual)(Penilaian Kesan Alam Sekitar) 1987** dibawah **Perkara 1(a): Pembangunan kawasan seluas 500 hektar atau lebih kawasan hutan kepada kawasan pertanian**. Kajian **PEIA** ini diperlukan oleh **Jabatan Alam Sekitar** sebagai alat untuk mengukur atau menilai kesan-kesan terhadap alam sekitar yang mungkin ujud hasil dari pelaksanaan cadangan projek penanaman ladang kelapa sawit. Penyediaan Laporan **PEIA** ini adalah satu proses 'mandatory' seperti yang terkandung di dalam **Seksyen 34A dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** di mana sesiapa atau mana-mana pihak yang ingin melaksanakan mana-mana aktiviti terjadual dimestikan menyediakan Laporan **PEIA** serta mengemukakan kepada **Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar** untuk penilaian serta kelulusan terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti tersebut dapat dijalankan.

Syarikat **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)** telah mendapat permit daripada **Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan** pada 6hb Jun 2006. Melalui perjanjian ini pihak **PMBK** telah diberikan konsesi pajakan selama 50 tahun untuk membangunkan kawasan **Hutan Rizab Batu Papan** seluas 5,000.00 ekar (2,023.431 hektar) dengan tanaman kelapa sawit dengan terma-terma sebagaimana yang dipersetujui dengan pelbagai agensi kerajaan yang terbabit. Selain dari itu pelbagai garis panduan, akta serta kepeluan dari agensi kerajaan yang terbabit juga perlu di patuhi sebelum pelaksanaan keseluruhan cadangan projek ini. Projek ini terletak di Mukim Ulu Nenggiri, Daerah Bertam, Gua Musang, Kelantan Darul Naim iaitu pada kedudukan 4° 44' 24.6" N hingga 4° 50' 09.1" N dan Longitude 101° 45' 21.4" E hingga 101° 48' 31.8" E (rujuk **Rajah 2.1** dan **2.2**). Lokasi kedudukannya adalah kira-kira 0.1 km utara kawasan Pahang, 0.15 km utara dan selatan lebuh raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, 1.0 km timur perkampungan orang Asli Pos Belau, 15.0 km selatan Kuala Betis, 24.9 km baratdaya bandar Gua Musang, 58.7 km timurlaut bandar Cameron Highland, 94.6 km baratdaya bandar Kuala Krai, 101.7 km utara bandar Jeli, 118.1 km baratdaya bandar Machang, dan 155.8 km baratdaya bandar Kota Bharu. (**PMBK**) bercadang untuk memajukan cadangan tapak projek ini dengan pembangunan ladang kelapa sawit yang bermutu tinggi.

Gunatanah semasa kawasan yang dicadangkan ialah hutan yang akan dijalankan kerja-kerja pembalakan sebahagian kawasan dan sebahagian lagi masih kekal dengan pokok-pokok kayu balak berkualiti tinggi. Keadaan mukabuminya pada keseluruhannya adalah berbukit terutamanya di sebelah barat kawasan dan rata pada sebahagian tempat serta terdapat beberapa anak sungai bermusim di dalamnya. Menurut **Laporan Rancangan Struktur Majlis Daerah Gua Musang (1995-2020)**, kawasan ini pada dasarnya adalah merupakan kawasan hutan simpan dan tidak diklasifikasikan sebagai kawasan tadahan air. Kawasan tapak projek ini dikelilingi oleh kawasan **Hutan Rizab Batu Papan** (sebelah utara, selatan dan timur) dan **Hutan Rizab Sungai Betis** (sebelah barat). Hasil dari pemerhatian yang dibuat ketika kerja-kerja di tapak dan maklumat daripada pegawai **Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Jajahan Gua Musang** mendapati hanya satu penempatan orang asli yang dikenali sebagai Orang Asli Pos Belau yang ditemui terletak pada kawasan 1 km dari kawasan projek yang merangkumi enam perkampungan kecil iaitu Kg. Selyeh, Kg. Kelaik, Kg. Blau, Kg. Om, Kg. Sintang dan Kg. Kais. Kawasan penempatan Orang Asli ini terletak di seberang Sungai Berok kawasan tapak projek. Kebanyakan Orang Asli ini terlibat dalam aktiviti pertanian sama ada dengan agensi kerajaan mahupun swasta. Kawasan cadangan tapak projek ini boleh ditujui melalui lebuh raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Sungai utama yang dikenali Sg Berok berada di sebelah baratdaya dan di samping itu terdapat juga sungai – sungai lain seperti Sg Jai, Sg Pusol, Sg Sekor, Sg Rumlak, Sg Raya dan beberapa sungai kecil bermusim iaitu Sg A, Sg B dan Sg C.

Secara keseluruhannya, kajian **PEIA** ini telah dapat mengenal pasti beberapa kesan negatif akibat pembangunan projek ladang kelapa sawit, antaranya hakisan tanah, bunyi bising, habuk dan asap kenderaan, kualiti air sungai dan ekologi hidupan liar. Masalah habuk dan bunyi bising dijangkakan memberi kesan jangka pendek iaitu sewaktu kerja-kerja pembersihan tapak dan pembinaan ladang ini dijalankan. Walaubagaimanapun masalah hakisan tanah, pencemaran sungai dan ekologi dikenalpasti memberi kesan pada peringkat penyediaan tapak sehingga peringkat operasi. Masalah pemendakan lumpur di sungai-sungai dan hakisan daripada permukaan tanah yang terdedah dijangka memberi kesan sementara kepada masalah pencemaran bukan sahaja kepada sungai-sungai kecil bermusim iaitu Sg A, Sg B dan Sg C tetapi juga kepada beberapa sungai lain seperti Sg Berok, Sg Jai, Sg Pusol, Sg Sekor, Sg Rumlak, Sg Raya yang terletak di dalam dan juga sekitar kawasan tapak projek. Kesan ini dijangkakan sementara dan tidak memudaratkan kawasan di luar dari kawasan tapak cadangan projek. Keadaan ini dijangkakan akan kembali seperti sedia kala apabila projek perladangan kelapa sawit ini memasuki fasa penyelenggaraan pokok-pokok kelapa sawit yang telah ditanam. Dengan keupayaan perawatan semulajadi (natural self purification) dan juga pelaksanaan langkah-langkah penebatan yang sesuai seperti yang dicadangkan dalam laporan **PEIA** ini oleh pihak pemaju projek, kesan-kesan yang ujud ini adalah sangat minimum dan dijangkakan boleh dikawal.

Ketika proses penanaman hinggalah ke peringkat penyelenggaraan, kesan negatif terhadap kualiti air sungai adalah sudah dijangka, memandangkan terdapatnya penggunaan baja, racun rumpai dan air sisa yang terhasil dari penempatan pekerja-pekerja ladang kelapa sawit ini. Bagaimanapun dengan kaedah penggunaan bahan-bahan tersebut yang sesuai dan teratur seperti yang dicadangkan, kesan yang ujud ini hanyalah minimum serta dapat dikawal. Pembersihan tumbuhan secara keseluruhan hendaklah dielakkan dan pemotongan cerun-cerun hendaklah seminima yang mungkin. Kawasan yang mana mempunyai kecerunan melebihi 25° boleh juga digunakan untuk tujuan penanaman tetapi hendaklah dengan kerja-kerja tanah yang minima sahaja dibenarkan tanpa penggunaan jentera-jentera berat iaitu bagi mengurangkan risiko berlakunya kejadian hakisan tanah. Zon-zon penampakan semulajadi sebagaimana garis panduan yang dikeluarkan oleh **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** dan lanskap semulajadi hendaklah diwujudkan terutama disepanjang anak-anak sungai bermusim dan juga sungai-sungai utama yang berada didalam dan bersempadan dengan kawasan cadangan tapak projek. Kolam mendapan, kolam perangkap lumpur, longkang tanah serta lain-lain langkah-langkah kawalan yang dicadangkan hendaklah dibina terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembersihan kawasan dijalankan. Pemaju projek juga disarankan supaya menggunakan jalan-jalan sediaada ketika pelaksanaan pembangunan ladang ini bagi mengurangkan berlakunya hakisan. Dan pembinaan jalan-jalan ladang yang baru sekiranya perlu hendaklah dibina mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak **JKR** dan juga **Jabatan Perhutanan**. Pihak pemaju juga disarankan untuk melaksanakan kerja-kerja pengurusan serta penstoran sisa-sisa berjadual (sisa minyak) yang terhasil dari aktiviti harian sebagaimana tertakluk di dalam **Peraturan Kualiti Sekeliling (Sisa-sisa Terjadual), 2005**.

Pembakaran secara terbuka ke atas saki-baki pokok yang telah ditebang dan semak-semak adalah tidak dibenarkan sama sekali samada di dalam kawasan mahupun diluar kawasan tapak cadangan projek. Perkara ini hendaklah dipastikan supaya dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan projek perladangan kelapa sawit ini. Akar-akar serta ranting-ranting pokok dan daun-daun yang terhasil dari kerja-kerja pembersihan kawasan hendaklah dibiarkan reput atau dibuang ke kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pelupusan sisa didalam kawasan tapak projek. Sedikit kesan akan dijangka terjadi ke atas ekologi iaitu tumbuhan dan haiwan liar yang menghuni kawasan ini. Dengan pelaksanaan kerja-kerja penebatan serta pembersihan kawasan secara berfasa akan dapat memberi masa yang cukup serta membantu hidupan-hidupan liar ini untuk berpindah ke kawasan penempatan yang baru. Ianya juga secara tidak langsung dapat mengelakkan hidupan-hidupan liar ini dari terperangkap ketika kerja-kerja pembersihan kawasan dijalankan. Kawasan **Hutan Rizab Batu Papan** (sebelah utara, selatan dan timur) dan **Hutan Rizab Sungai Betis** (sebelah barat) dijangka akan mampu menerima perpindahan hidupan-hidupan liar secara semulajadi ini (sekiranya ada). Namun begitu dengan langkah-langkah kawalan dan pemantauan yang akan diambil oleh pihak pemaju projek sebagaimana dicadangkan, masalah ini dijangkakan tidak menjadi serius dan boleh diatasi. Selain dari itu pihak pemaju projek hendaklah juga mengujudkan peraturan-peraturan serta kawalan keselamatan bagi

mencegah berlakunya aktiviti-aktiviti terlarang seperti pemburuan binatang liar, pembakaran terbuka dan pengangkutan hasil kelapa sawit secara haram atau tanpa permit. Tindakan yang tegas perlu diambil dan dilaksanakan sekiranya ianya dilakukan oleh pekerja-perkerja dan pihak-pihak yang terbabit terus dengan pembangunan ladang kelapa sawit ini. Peraturan-peraturan ini hendaklah dibuat secara perjanjian bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak pemaju projek dan juga pihak-pihak yang terlibat dengan urusan pembangunan ladang kelapa sawit ini.

Cadangan penanaman ladang pokok kelapa sawit ini adalah bersesuaian dari segi kedudukan, cuaca, gunatanah semasa dan ciri-ciri topografi. Walau bagaimanapun untuk mengekalkan keadaan alam sekitar yang bersih dan harmoni, program pengawasan alam sekitar secara terjadual yang dicadangkan perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju projek. Bagi memastikan hal ini, penyediaan **Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)**, kerja-kerja pemantauan kualiti alam sekitar secara berkala (**EME**), kerja audit alam sekitar (**EAE**) adalah dicadangkan supaya dilaksanakan oleh pihak pemaju projek. Selain dari itu pihak pemaju projek disarankan juga untuk menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (**Emergency Response Plan – ERP**) bagi tujuan persediaan menghadapi keadaan kecemasan luar jangka yang berlaku di kawasan tapak projek ini. Kesemua dokumen-dokumen ini hendaklah dikemukakan sebelum dan semasa projek ini dilaksanakan kepada pihak **Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kelantan** untuk tujuan penilaian dan pengauditan.

Kesimpulannya projek penanaman ladang kelapa sawit ini dijangkakan mampu memberikan kesan yang baik dari segi sosio-ekonomi, iaitu dengan cara menambahkan pendapatan Syarikat **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)**, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, **Kerajaan Negeri Kelantan** dan juga **Kerajaan Persekutuan**. Kesan yang dijangka wujud adalah lebih bersifat jangka pendek serta boleh dikawal, diminima dan dihapuskan dengan langkah-langkah kawalan yang bakal dijalankan oleh pihak pemaju projek. Selain dari itu ianya juga akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk Orang Asli Pos Belau yang berhampiran dengan kawasan tapak projek. Namun begitu ianya juga amat bergantung kepada sejauh mana agresifnya penglibatan penduduk-penduduk berhampiran di dalam aktiviti perladangan ini. Manfaat juga akan diperolehi melalui pembinaan jalan, jambatan serta infrastruktur asas oleh pihak pemaju projek semasa pelaksanaan projek ini di samping perpindahan teknologi terkini kepada penduduk-penduduk kawasan setempat yang berhampiran. Keseluruhan ini secara langsung dan tidak langsung akan menyumbang kepada pencapaian polisi kerajaan pada masa kini dalam melaksanakan serta merencanakan pelbagai projek berasaskan pertanian secara pengurusan bersepadu, penggunaan sumber asli secara lebih teratur serta pemuliharaan alam sekitar secara terancang. Dan yang paling penting ianya juga akan dapat membantu menghijaukan kawasan dimana aktiviti-aktiviti penanaman ladang kelapa sawit dijalankan.